

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN KETUA-KETUA
PESURUHJAYA PANDU PUTERI NEGARA KOMANWEL
DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA, SERDANG
PADA HARI KHAMIS, 7HB. JUN, 1990
PUKUL 9.30 PAGI

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan selamat sejahtera.

Mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku
Bainun, Penaung Di Raja Persatuan Pandu
Puteri Malaysia;

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun sembah patik
pohon diampun.

Patik sebagai Yang Di-Pertua Persatuan
Pandu Puteri Malaysia menjunjung kasih ke
Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi
mencemar duli berangkat ke Majlis Perasmian
Persidangan Ketua-Ketua Pesuruhjaya Pandu
Puteri Negara-Negara Komarwel pada hari ini.

...Keberangkatan/-

2. Keberangkatan Ke Bawah Duli Tuanku menyerikan lagi majlis ini serta menjadikan sumber inspirasi kepada ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Kehadiran Ke Bawah Duli Tuanku disanjung tinggi sebagai petanda Ke Bawah Duli Tuanku merestui pergerakan kepanduan khasnya di Malaysia dan di peringkat antarabangsa amnya.

3. Persidangan Ketua-ketua Pesuruhjaya Pandu Puteri Negara-Negara Komanwel diadakan tiga tahun sekali di mana-mana negara Komanwel berhampiran dengan tempat Persidangan Dunia yang diadakan tiga tahun sekali untuk ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia. Persidangan Dunia kali ke-27 akan diadakan di Singapura mulai 13 Jun 1990 ini, iaitu sebaik sahaja

... tamatnya/-

tamatnya Persidangan ini. Para Ketua Pesuruhjaya akan bertolak dari Kuala Lumpur pada 12 Jun ini melalui jalanraya dan akan berkesempatan bertemu dengan ahli Majlis Negeri serta ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Negeri sepanjang perjalanan itu.

Semasa para Ketua Pesuruhjaya berada di Kuala Lumpur, mereka akan diraikan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri dan Yang Berbahagia Datuk Bandar Kuala Lumpur serta Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, di samping melawat tempat-tempat menarik di sekitar Kuala Lumpur dan Shah Alam. Keberangkatan Ke Bawah Duli Tuanku ke majlis ini adalah kemuncak dalam perancangan Jawatankuasa Induk yang telah

...memberi/-

memberi sokongan dan kerjasama penuh kepada Persatuan ini.

Ampun Tuanku,

5. Patik mohon limpah perkenan Ke Bawah Duli Tuanku untuk patik berucap kepada para hadirin dalam Bahasa Inggeris.

Yang Teramat Mulia Paduka Anakanda-Anakanda;

Their Excellencies, The High Commissioners of Commonwealth Countries;

Distinguished Guests;

Ladies and Gentlemen.

... It/-

- 5 -

6. It gives me great pleasure to welcome Her Majesty the Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun to the Opening Ceremony of the Commonwealth Chief Commissioner's Conference here in Kuala Lumpur. The gracious presence of Her Majesty this morning provides a source of inspiration and encouragement to members of our Girl Guide Movement and makes this occasion the more auspicious.

7. I would therefore, on behalf of the Girl Guide Association of Malaysia, express our highest appreciation and gratitude to Her Majesty for her gracious presence here this morning.

...Ladies/-



- 6 -

Ladies and Gentlemen,

8. I would like to extend a very warm welcome to our distinguished guests from home and overseas. 1990 is Visit Malaysia Year and it gives me the opportunity to specially welcome Chief Commissioners from Commonwealth countries, who not only chose Malaysia as the venue of the Conference but also chose to come themselves.

9. I hope you will find time to experience Malaysian hospitality and take part in the various social activities which will demonstrate the cultural and social aspects of our Malaysian life. The Girl Guide Association of Malaysia has drawn a program that will enable you to meet with your local

...colleagues/-



- 7 -

colleagues and the peoples of Malaysia, not only in Kuala Lumpur but also in other States which you will visit on your way to Singapore. I assure you that you will be looked after well.

10. I wish you all success in your deliberations in the Conference. With such conducive environment as what you have here in the University campus, I am sure your discussion will be meaningful and effective. I hope you will have a pleasant stay with us and bring home happy memories.

Ladies and Gentlemen,

11. This Conference could not have reached its Opening today and the programmes

...henceforth,-



henceforth, if not for the assistance and cooperation, guidance and advice, of various Government and private agencies and individuals. The list is too long to mention all of them but on behalf of the Girl Guide Association of Malaysia and myself, I sincerely would like to express our appreciation and gratitude for the assistance you have given us to achieve our goals.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

12. Bagi pihak Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan diri saya sendiri, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak, baik Kerajaan mahupun swasta dan perseorangan yang membantu kami dalam persediaan untuk Persidangan ini.

... Saya/-

13. Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada:

- a) Yang Berbahagia Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia kerana membenarkan Persatuan Pandu Puteri Malaysia menggunakan Pusat Perkembangan Pendidikan Lanjutan di UPM ini serta kesudian memberi sokongan tenaga dan kemudahan persidangan yang diperlukan.

- b) Ketua-Ketua Jabatan yang menganggotai Jawatankuasa Induk yang berkerjasama untuk menentukan peraturan-peraturan persidangan dilaksanakan dengan lycin.

... Jabatan-Jabatan/-

- c) Jabatan-Jabatan Kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri-Negeri dan juga dari Daerah Hulu Langat yang telah memberi sokongan, bantuan dan sumbangan.
- d) Para dermawan yang memberi sambutan daripada segi kewangan dan bahan-bahan dan alat-alat yang diperlukan.
- e) Yang Berhormat-Yang Berhormat yang sudi menjadi tuan rumah dalam jamuan meraikan Ketua-Ketua Pesuruhjaya.
- f) Ahli-Ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia semua peringkat yang

... menyumbangkan/-

- 11 -

menyumbangkan tenaga dan masa,
sewajar dengan sikap kepanduan dan
cogankata mereka untuk sentiasa
bersedia berkhidmat untuk rakyat
dan negara. Syabas dan tahniah.

Ampun Tuanku,

14. Sekian sahaja ucapan patik di majlis
ini.

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun sembah patik
harap diampun.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA